Cawangan Negeri Sembilan

SEMBANG WAGHIH

أونيت حال الحوال اسلام

BIL.14
SEPTEMBER 2026
(1448H)

(PENA UNIT HAL EHWAL ISLAM UiTM CAW. NEGERI SEMBILAN)

Oleh : Puaad Osman - Penolong Pendaftar Kanan (HEI)

JALAN MENUJU REDA ALLAH

Dalam kehidupan ini, setiap manusia mendambakan kebahagiaan, ketenangan dan kejayaan. Namun, sebagai seorang Muslim, matlamat tertinggi dalam kehidupan bukanlah semata-mata memperoleh kekayaan, pangkat atau penghormatan manusia, tetapi mendapatkan keredaan Allah SWT dalam setiap langkah yang diambil.

Jalan menuju reda Allah bukanlah jalan yang sentiasa mudah. Ada kalanya kita diuji dengan kesusahan, kehilangan, kekecewaan dan pengorbanan. Namun, di sebalik setiap ujian, tersimpan peluang untuk mendekatkan diri kepada-Nya, memperbaiki keimanan dan mematangkan jiwa.

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Bayyinah, ayat 8:

رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ

Maksudnya: “Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan-Nya.”

Antara jalan menuju reda Allah ialah menjaga hubungan dengan-Nya melalui solat, memperbanyakkan zikir, membaca al-Quran dan melaksanakan segala perintah-Nya. Pada masa yang sama, kita perlu menjauhi larangan-Nya serta sentiasa bertaubat apabila melakukan kesilapan. Sesungguhnya, manusia tidak terlepas daripada dosa dan kekurangan, tetapi sebaik-baik manusia ialah mereka yang kembali kepada Allah dengan penuh penyesalan dan pengharapan.

Selain itu, reda Allah juga dicari melalui hubungan sesama manusia. Berbuat baik kepada ibu bapa, menghormati guru, menjaga amanah, membantu mereka yang memerlukan dan memaafkan kesalahan orang lain merupakan antara amalan yang mencerminkan keindahan Islam. Jangan sampai kita begitu tekun mengejar ibadah, tetapi mengabaikan hak manusia yang berada di sekeliling kita.

Oleh : Puaad Osman - Penolong Pendaftar Kanan (HEI)

JALAN MENUJU REDA ALLAH

Rasulullah SAW bersabda:
إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ
Maksudnya: "Sesungguhnya setiap amalan itu bergantung pada niat."
(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini mengingatkan kita bahawa setiap pekerjaan yang dilakukan dengan niat yang ikhlas, selagi menepati syariat, boleh menjadi ibadah. Bekerja mencari nafkah, mendidik anak, membantu rakan sekerja dan melaksanakan tanggungjawab dengan amanah bukan sekadar urusan dunia, bahkan boleh menjadi jalan memperoleh pahala di sisi Allah.

Namun, kita juga perlu memahami bahawa reda Allah tidak semestinya bermaksud hidup tanpa kesedihan atau ujian. Ada kalanya Allah menguji kita bukan kerana Dia membenci, tetapi ujian itu menjadi ruang untuk kita kembali mengingati-Nya, memperbaiki diri dan menguatkan pergantungan kepada-Nya.
Oleh itu, janganlah kita berputus asa apabila melakukan kesilapan. Jangan pula merasa diri terlalu hina untuk kembali kepada Allah. Selagi nyawa masih dikandung badan, pintu taubat terbuka dan peluang memperbaiki diri masih ada.

Kesimpulan
Kesimpulannya, jalan menuju reda Allah bermula dengan hati yang ikhlas, iman yang dipelihara, ibadah yang istiqamah dan akhlak yang mulia. Tidak perlu menunggu menjadi manusia sempurna untuk mendekati Allah. Mulakan dengan langkah kecil, lakukan kebaikan secara berterusan dan perbetulkan niat dalam setiap pekerjaan.
Akhirnya, biarlah kehidupan kita bukan sekadar meninggalkan nama di dunia, tetapi meninggalkan amal yang menjadi bekalan di akhirat. Kerana kejayaan yang sebenar bukanlah apabila manusia memuji kita, tetapi apabila Allah menerima amal kita dan mengurniakan reda-Nya.

Ya Allah, pimpinlah langkah kami menuju reda-Mu. Jangan biarkan hati kami jauh daripada-Mu, dan jadikanlah pengakhiran kehidupan kami dalam keadaan Engkau reda kepada kami. Amin ya Rabbal 'alamin.

Oleh : Izwaniyati Ibrahim - Penolong Pendaftar Kanan (HEI)

ZAKAT DAN SEDEKAH: AMANAH YANG DIPIKUL, TANGGUNGJAWAB YANG DILAKSANA, MANFAAT YANG DINIKMATI

Islam tidak pernah melarang umatnya menjadi kaya, sebaliknya menggalakkan umatnya untuk berusaha mencari rezeki yang halal dan membelanjakan dengan sebaik-baiknya. Kekayaan yang dimiliki bukan sekadar untuk memenuhi keperluan diri dan keluarga, tetapi turut mengandungi amanah dan tanggungjawab untuk dikongsi serta dimanfaatkan kepada mereka yang memerlukan. Di sinilah zakat dan sedekah memainkan peranan penting dalam memastikan rezeki dan harta yang dimiliki turut memberi manfaat kepada orang lain. Dalam sejarah Islam, ramai sahabat Rasulullah SAW yang dikurniakan kekayaan, namun kekayaan tersebut tidak pernah menghalang mereka daripada menjadi insan yang dermawan.

Firman Allah SWT:

وَاَقِيْمُوا الصَّلٰوةَ وَاٰتُوا الزَّكٰوةَ وَاَطِيْعُوا الرَّسُوْلَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُوْنَ

“Dan dirikanlah solat serta berilah zakat dan taatlah kamu kepada rasul supaya kamu beroleh rahmat.” (Surah an-Nur: 56)

Setiap rezeki yang dikurniakan oleh Allah merupakan satu amanah. Kita mungkin tidak menyedari bahawa ada bahagian daripada rezeki dan harta yang kita miliki sebenarnya turut mengandungi hak orang lain. Melalui zakat dan sedekah, sebahagian daripada rezeki tersebut dapat dikongsi dan dimanfaatkan oleh mereka yang memerlukan. Zakat yang dikeluarkan dan sedekah yang diberikan bukan sekadar nilai dalam bentuk wang ringgit sahaja, tetapi ia merupakan tanda kesyukuran serta keprihatinan terhadap keadaan orang lain.

Amanah dalam berzakat dan bersedekah bukan hanya kesedaran setiap individu untuk melaksanakan tanggungjawab dengan penuh keikhlasan, malah tanggungjawab tersebut juga terletak pada pihak yang menguruskan dan menyalurkan sumbangan tersebut. Pengurusan zakat membawa satu amanah besar yang perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, telus dan berintegriti bagi memastikan setiap kutipan diurus dengan baik dan disalurkan kepada mereka yang berhak serta memerlukan.

Oleh : Izwaniyati Ibrahim - Penolong Pendaftar Kanan (HEI)

ZAKAT DAN SEDEKAH: AMANAH YANG DIPIKUL, TANGGUNGJAWAB YANG DILAKSANA, MANFAAT YANG DINIKMATI

Apabila seseorang memilih untuk berkongsi sebahagian daripada rezekinya, dia sebenarnya sedang mengambil bahagian dalam usaha membantu meringankan beban orang lain. Amalan ini mengajar kita bahawa kehidupan di dunia ini bukan hanya untuk kepentingan diri sendiri sahaja. Ada ketika kita berada dalam keadaan senang, dan ada ketika kita mungkin memerlukan bantuan daripada orang sekeliling kita. Zakat dan sedekah bukan sekadar memberi, bukan hanya dirasai oleh penerima, malah ia turut membentuk masyarakat yang lebih prihatin, saling membantu, sikap kebersamaan dan mempunyai rasa tanggungjawab terhadap orang lain.

Budaya prihatin ini boleh bermula dengan langkah yang kecil dengan menunaikan zakat apabila telah memenuhi syarat, membuat potongan gaji secara berkala, atau menyumbang mengikut kemampuan. Potongan gaji secara berkala ini, merupakan salah satu cara yang mudah untuk kita berkongsi sebahagian daripada rezeki secara konsisten, manakala sedekah pula tidak semestinya memerlukan jumlah yang besar. Namun, yang paling penting ialah keikhlasan untuk berkongsi mengikut kemampuan. Sesungguhnya, setiap usaha tersebut mempunyai nilai di sisi Allah apabila dilakukan dengan niat yang baik. Rasulullah SAW menegaskan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA:

> "Sedekah tidak akan mengurangkan harta. Allah tidak menambah seorang hamba yang memberi kemaafan melainkan kemuliaan. Dan tidaklah seseorang merendahkan diri kerana Allah melainkan Allah akan mengangkat darjatnya."
>
> Riwayat Muslim

Zakat dan sedekah mengingatkan kita bahawa rezeki yang kita miliki bukan hanya untuk kita nikmati sendiri, tetapi sebahagiannya boleh menjadi jalan untuk membantu, menyokong dan memberi harapan kepada orang lain. Setiap pemberian yang ikhlas, walaupun kecil pada pandangan kita, mungkin membawa makna yang besar kepada mereka yang memerlukan.

Akhirnya, apabila amanah dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, setiap pemberian yang ikhlas dapat memberi manfaat dan dirasai oleh mereka yang memerlukan.

Oleh : Muhammmad Luqman Roslan - Pegawai Eksekutif (HEI)

MERUNGKAI KELEBIHAN SOLAT TAHAJUD DALAM PERSPEKTIF SAINS

Pendahuluan

Solat tahajud merupakan ibadah sunnah yang dituntut oleh Allah SWT dan Rasul. Hukum menunaikkan solat tahajud adalah sunat muakkad. Solat tahajud adalah ibadah solat yang terbaik setelah solat fardhu.

Rasulullah SAW bersabda: "Puasa yang paling utama setelah puasa bulan Ramadhan adalah puasa bulan Muharam, dan solat yang paling utama setelah solat fardhu adalah solat pada waktu malam. " (Riwayat Muslim)

Rasulullah SAW tidak pemah meninggalkan solat tahajud walaupun dalam perjalanan ataupun dalam keadaan sakit. Waktu mengerjakan solat tahajud adalah antara waktu selepas isyak sehingga waktu subuh dan waktu yang paling afdal adalah antara pukul 1.30 pagi sehingga subuh.

Rasulullah SAW bersabda: "Kerjakanlah solat malam sebab itu adalah kebiasaan orang saleh sebelum kamu, juga suatu jalan untuk mendekatkan diri kepada Tuhanmu, juga sebagai penebus segala amalan buruk, pencegah dari perbuatan dosa dan dapat menghalangi penyakit dari badan. " (Riwayat Tirmizi dan Ahmad)

Menurut kajian yang dilakukan oleh Prof. Dr. Mohammad Sholeh (2006), seorang Psikoneuroimunologi yang juga dekan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Surabaya, sekiranya solat tahajud dijadikan amalan rutin dan dilakukan dengan ikhlas serta khusyuk, maka akan terbebas daripada jangkitan penyakit dan kanser, menyihatkan tubuh badan.

Gelombang Fikiran

Waktu Tahajud Solat tahajud dilakukan selepas bangun daripada tidur. Menurut teori, gelombang fikiran manusia pada saat bangun tidur berada pada fasa gelombang alfa (Idris & Nopiah, 2012). Dengan menggunakan alat *electroencephalograph* (EEG), aktiviti gelombang otak dapat dirakam (Cahyono, 2011). Rajah 1 menunjukkan gelombang otak atau *brainwave* dikategorikan kepada beberapa jenis, iaitu gelombang alfa, beta, delta, theta dan gamma.

Oleh : Muhammmad Luqman Roslan - Pegawai Eksekutif (HEI)

MERUNGKAI KELEBIHAN SOLAT TAHAJUD DALAM PERSPEKTIF SAINS

Gelombang alfa memiliki frekuensi sebesar 8-13 Hz dan tenaga yang besar iaitu 10 150- 175 mikrovolt. Semasa fasa gelombang ini, minda berada dalam keadaan bawah sedar atau dengan nama lain sedang dalam keadaan fokus. Gelombang alfa merupakan gelombang di mana fikiran berada dalam keadaan yang tenang dan mampu meningkatkan keberkesanan antena minda iaitu reticular cortex (RC). RC berfungsi menerima semua isyarat daripada deria. *Reticular activating system (RAS)* yang berada dalam RC akan mengaktifkan kesedaran terhadap kemahuan kepada sesuatu perkara, seterusnya meningkatkan keazaman seseorang untuk menjadikan perkara yang diingini tersebut sebagai realiti. Aktiviti otak semasa gelombang alfa lebih cerdas jika dibandingkan dalam keadaan gelombang beta disebabkan pemerhatiannya lebih fokus pada sesuatu objek sehingga mampu memahami dengan lebih tepat. Oleh itu, waktu tesebut amat sesuai untuk bersolat tahajud di mana pada keadaan gelombang alfa, komunikasi yang efektif terjadi ketika berdoa.

Solat tahajud pada waktu tersebut dapat memberikan keupayaan mencapai ketenangan maksimum di mana solat merupakan medium meditasi yang mampu memberi kesan luar biasa kepada pengamalnya. Dalam keadaan ini, otak merembeskan hormon serotonin dan endorfin yang menyebabkan seseorang merasakan rasa nyaman, tenang, bahagia. Hormon ini membuatkan imunisasi tubuh meningkat, pembuluh darah lebar, dan jantung menjadi stabil. Oleh itu, pada gelombang alfa, tahap khusyuk fikiran seseorang meningkat memandangkan fasa tersebut merupakan fasa rehat, santai dan fokus. Menurut Dr Ray Meddis, professor di Jabatan Sains Kemanusiaan, Universiti Teknologi England menyatakan manusia hanya memerlukan masa tidur selama tiga jam. Oleh itu, sebahagian malam amat sesuai untuk menunaikan solat tahajud.

Penutup

Disimpulkan bahawa solat tahajud memberi banyak kelebihan kepada manusia disamping mengeratkan perhubungan dengan Allah. Kepada yang melaksanakan dan menghayatinya akan berasa kerugian besar sekiranya meninggalkan solat tersebut.


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Negeri Sembilan
UiTM
Jumlah Agihan Zakat
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Sehingga September 2026
Jumlah Agihan Keseluruhan
RM190,800.00
Jumlah Penerima Keseluruhan
672
orang penerima
Jumlah Penerima
173 (25.8%)
218 (32.4%)
281 (41.8%)
672
orang penerima
Fakir 173 orang
Miskin 218 orang
Fisabilillah 281 orang
Jumlah Agihan
RM69,200.00 (36.2%)
RM65,400.00 (34.3%)
RM56,200.00 (29.5%)
RM190,800.00
jumlah agihan keseluruhan
Fakir RM69,200.00
Miskin RM65,400.00
Fisabilillah RM56,200.00
Terima Kasih
Kepada semua pembayar zakat dan penyumbang
yang menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor (LZS)
dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), serta semua pihak
yang turut menyumbang kepada kebajikan pelajar UiTM.
Semoga setiap sumbangan menjadi asbab kebaikan,
keberkatan rezeki dan kejayaan para pelajar.
Amin Ya Rabbal 'Alamin
Unit Hal Ehwal Islam
UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Oleh : Abdul Hadi Abd Wahab - Pembantu Tadbir (HEI)

4 Sept 2026 - Kunjungan delegasi UiTMCNS ke Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) menjadi wadah memperkukuh kerjasama serta membincangkan usaha pemerkasaan tadbir urus wakaf, penglibatan warga universiti dan peluasan manfaat wakaf bagi kebajikan serta pendidikan mahasiswa.







Oleh : Abdul Hadi Abd Wahab - Pembantu Tadbir (HEI)

11 September 2026 | Pusat Islam Sheikh Haji Ahmad Said :
Unit Hal Ehwal Islam (UHEI), UiTM Kampus Seremban telah melaksanakan bacaan tahlil selepas menunaikan Solat Jumaat, buat Allahyarham Fadhlan Fakhry Solana Mohd Fellimal, pelajar UiTM Cawangan Negeri Sembilan merangkap peserta Komander Kesatria Endurance Challenge (KKEC) 2026, yang telah kembali ke rahmatullah pada 5 September 2026.







Oleh : Abdul Hadi Abd Wahab - Pembantu Tadbir (HEI)

14-15 September 2026 | Institute of Leadership & Development (ILD), Bandar Enstek :

Bengkel Penyelarasan Strategik Unit Hal Ehwal Islam (UHEI), UiTM Cawangan Negeri Sembilan.













Oleh : Abdul Hadi Abd Wahab - Pembantu Tadbir (HEI)

23 - 24 September 2026 (Rabu & Khamis) |
Medan Makan Tiga Persukuan UiTM Seremban:

Sempena kemasukan dan pendaftaran pelajar baharu bagi sesi pengajian kali ini, Unit Hal Ehwal Islam (UHEI), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban turut membuka Reruai Kempen Sumbangan Wakaf Al-Khayr UiTM Cawangan Negeri Sembilan di Medan Makan Tiga Persukuan UiTM Kampus Seremban. Kempen ini turut diadakan di Kampus Kuala Pilah dan Kampus Rembau.













Oleh : Abdul Hadi Abd Wahab - Pembantu Tadbir (HEI)

7 September 2026 (Isnin) | Shah Alam, Selangor : Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau telah menganjurkan Program Rehlah Nabawiyah melalui lawatan ke Yayasan Restu, Shah Alam (Galeri Nabawiyah).







Program UiTM Kampus Rembau

DAH SELAWAT KE HARI NI ?



MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

KHAS UNTUK
KAKITANGAN UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN SAHAJA

JOM TAKSIR, POTONG & MENANG!

LEVEL UP YOUR ZAKAT & WAKAF

START

Potongan kecil gaji anda hari ini, membawa manfaat besar untuk ummah dan peluang memenangi 1 Gram Bar Emas!

1. **KAKITANGAN UiTM**
   Kakitangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan sahaja. Semua skim penjawatan layak menyertai.

2. **ZAKAT RM30**
   Buat Potongan Gaji Zakat baharu atau tambah dengan MAINS bermula RM30/bulan dan ke atas

3. **WAKAF RM10**
   Buat Potongan Gaji Wakaf baharu / InfaqPay atau tambah dengan MAINS bermula RM10/bulan dan ke atas

4. **MENANG !**
   Rebut peluang memenangi 1 Gram Bar Emas.
   5 pemenang UiTM akan dipilih.

FINISH

HADIAH CABUTAN BERTUAH

1 GRAM BAR EMAS



10 PEMENANG UiTM

EKSKLUSIF UNTUK KAKITANGAN UiTM!

KELEBIHAN ANDA

- Sumbangan anda membantu ummah dan institusi Islam.
- Mudah, automatik & berkala melalui potongan gaji.
- Berpeluang memenangi 1 Gram Bar Emas !

TEMPOH KEMPEN
1 OGOS 2026 - 31 OKTOBER 2026

BERSAMA MAINS
Zakat & Wakaf
MENYUBURKAN UMMAH

> Sedekah yang paling baik adalah dari hasil usaha sendiri, dan zakat yang dikeluarkan dari harta yang halal.
>
> (Riwayat al-Baihaqi)

@majlisagamaislamns www.mains.gov.my

SAHAM AKHIRAT







Sumbangan Anda Kami Hargai

Kampus Kuala Pilah

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia serta memantau segala program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya di UiTM Kampus Kuala Pilah selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menjalankan aktiviti kebajikan kepada warga UiTM dan masyarakat.



Ustaz Mohammad Faizul bin Abdan

Penolong Pendaftaf Kanan (N10)
Ketua | Unit Hal Ehwal Islam UiTM Caw. Negeri Sembilan



Ustaz Mohamad Fadzly bin Spalie

Pegawai Eksekutif Kanan (N6)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Kuala Pilah

Unit Hal Ehwal Islam

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Kuala Pilah
Pekan Parit Tinggi
72000 Kuala Pilah
Negeri Sembilan
Malaysia

06-4832291

Unit Hal Ehwal Islam
UiTM Cawangan Negeri Sembilan







Kampus Seremban

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia serta memantau segala program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya di UiTM Kampus Seremban selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menjalankan aktiviti kebajikan kepada warga UiTM dan masyarakat.



Ustazah Izwaniyati binti Ibrahim

Penolong Pendaftar Kanan (N10)
Ketua Seksyen I Unit Hal Ehwal Islam I Kampus Seremban



Ustaz Puaad bin Osman

Penolong Pendaftar Kanan (N10)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Seremban



Ustaz Muhammad Luqman bin Roslan

Pegawai Eksekutif (N5)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Seremban



Ustaz Abdul Hadi bin Abd. Wahab

Pembantu Tadbir (N1)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Seremban

Unit Hal Ehwal Islam
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban 3/1 Seremban 3
73000 Seremban
Negeri Sembilan
Malaysia

06-6342000

Unit Hal Ehwal Islam
Kampus Seremban

Kampus Rembau

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia serta memantau segala program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya di UiTM Kampus Rembau selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menjalankan aktiviti kebajikan kepada warga UiTM dan masyarakat.



Ustazah Masliyana binti Ismail

Penolong Pendaftar Kanan (N10)
Ketua Seksyen I Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Rembau



Ustaz Muhammad 'Adli bin Ibrahim

Pegawai Eksekutif (N5)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Rembau



Ustaz Mohd Sairin bin Sarlan

Pembantu Tadbir (N1)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Rembau

Unit Hal Ehwal Islam
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau
Jalan UiTM Rembau
71300 Rembau
Negeri Sembilan
Malaysia

06-6982354

Unit Hal Ehwal Islam
UiTM Cawangan Negeri Sembilan